

PETUNJUK GEOGRAFI

Petunjuk geografi adalah petunjuk yang mengenalpasti di mana barangan itu berasal dari negara atau wilayah, atau sesuatu kawasan atau tempat dalam negara atau wilayah itu, jika suatu kualiti, reputasi atau ciri lain tertentu pada barangan itu adalah pada dasarnya boleh dianggap berpunca dari tempat asal geografinya

Manfaat perlindungan petunjuk geografi:

Tuan punya petunjuk geografi yang berdaftar mempunyai hak eksklusif untuk mengeksploitasi barangan petunjuk geografi bagi mendapat pengiktirafan baik di dalam negara mahupun luar negara.

Hak penggunaan:

Hanya pengeluar yang menjalankan aktiviti dalam kawasan geografi yang dinyatakan dalam Daftar Petunjuk Geografi mempunyai hak untuk menggunakan suatu Petunjuk Geografi yang berdaftar dalam perjalanan perdagangan.

Hak penggunaan itu hendaklah berkenaan dengan keluaran yang dinyatakan dalam Daftar mengikut kualiti, reputasi atau ciri-ciri yang dinyatakan dalam Daftar.



REKA BENTUK SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU

Susunan tiga dimensi unsur-unsur sesuatu litar bersepadu dan sebahagian atau semua saling hubungan litar bersepadu itu atau susunan tiga dimensi sedemikian yang disediakan bagi sesuatu litar bersepadu yang dimaksudkan untuk dikilang.


Sesuatu reka bentuk susun atur bersepadu dilindungi bagi tempoh 10 tahun dari tarikh ia mula-mula dieksploitasi secara perdagangan. Walau apa pun, perlindungan yang diberikan tamat selepas 15 tahun selepas tarikh ia dicipta.

Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu:

Tempoh perlindungan reka bentuk susun atur litar adalah selama 10 tahun dari tarikh mula ianya dieksploitasi secara perdagangan atau 15 tahun dari tarikh ianya dicipta sekiranya tidak dieksploitasi secara komersial.

Hak Eksklusif Pemilik Susun Atur Litar Bersepadu;

- Menghasilkan semula dan memberi kuasa penghasilan semula reka bentuk susun atur bersepadu miliknya; dan
- mengeksploitasi secara perdagangan dan memberi kuasa pengeksploitasi secara perdagangan;
- litar bersepadu perekacipta yang dilindungi;
- litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu; atau
- barang yang mengandungi litar bersepadu yang dalamnya digabungkan reka bentuk susun atur terlindung itu.



Perbadanan Harta Intelek Malaysia *Intellectual Property Corporation of Malaysia*

Ibu Pejabat:

Perbadanan Harta Intelek Malaysia

Aras 32, Menara Dayabumi,
Jalan Sultan Hishamuddin,
50623 Kuala Lumpur.

- ☎ +603-2263 2100 (Operator)
- ☎ +603-2274 5113 (Helpdesk)
- ☎ +603-2263 2198/2199 (Perkhidmatan Kaunter)
- ☎ +603-2274 1332

Cawangan:

Perbadanan Harta Intelek Malaysia

(Cawangan Sabah)
Tkt 6, Blok C,
49, Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, Sabah.

- ☎ +6088-254 524
- ☎ +6088-257 046

Perbadanan Harta Intelek Malaysia

(Cawangan Sarawak)
Lot 9936, (Sub Lot 5), Aras 3,
Queen's Court,
93000 Kuching, Sarawak.

- ☎ +6082-459 075
- ☎ +6082-459 076
- ☎ +6082-455 052

REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

Reka bentuk perindustrian ialah rupa bentuk luaran secara keseluruhan sesuatu barang atau produk. Bentuk atau tatarajah merupakan aspek tiga dimensi manakala corak atau hiasan merangkumi dua dimensi. Ciri-ciri tiga atau dua dimensi atau kedua-duanya sekali yang terdapat pada suatu barang siap hendaklah melalui kaedah perindustrian. Ciri-ciri tersebut akan memberi suatu penampilan yang unik pada suatu barang atau produk berkenaan. Tempoh perlindungan maksima di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996, bagi pendaftaran adalah selama 15 tahun dari tarikh pemfailan.

Kepentingan pendaftaran:

Sijil pendaftaran sesuatu reka bentuk perindustrian adalah sah dalam tuntutan hak milik berkenaan di mahkamah. Hak eksklusif untuk membuat, mengimport, menjual, menyewa atau menggunakan bagi tujuan perdagangan atau perniagaan.

Reka Bentuk Perindustrian yang tidak boleh didaftarkan:

- Tidak mempunyai nilai estetik yang jelas;
- kaedah atau prinsip pembinaan;
- ciri yang ditentukan semata-mata oleh fungsi;
- ciri yang bergantung kepada rupa suatu barangan lain;
- perbezaan daripada segi butir-butir tidak material (tidak penting) atau ciri-ciri biasa yang digunakan dalam suatu perdagangan; atau
- bertentangan dengan ketenteraman awam atau prinsip moral.



CAP DAGANG

Cap Dagangan boleh terdiri daripada perkataan, logo, gambar, nama, huruf, nombor atau kombinasi daripada unsur-unsur tersebut. Cap Dagangan merupakan alat pemasaran yang membolehkan pengguna mengenali dan mengaitkan suatu keluaran dengan peniaga tertentu.

Cap Dagangan atau lebih dikenali sebagai tanda, jenama, logo atau tanda niaga ialah tanda yang diletakkan pada barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh seseorang pengeluar untuk mengenal dan membezakannya daripada barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh pihak lain.

Setiap pendaftaran adalah sah untuk tempoh sepuluh (10) tahun dari tarikh permohonan. Pembaharuan pendaftaran boleh dibuat bagi setiap sepuluh tahun.

Kepentingan pendaftaran:

- Pemilik berdaftar mempunyai hak eksklusif ke atas penggunaan Cap Dagangan tersebut
- Boleh mengambil tindakan sivil atau jenayah ke atas sesiapa yang menggunakannya tanpa kebenaran
- Boleh dipindah milik atau membenarkan pengguna berdaftar menggunakan cap dagangan tersebut



PERHATIAN:

Adalah menjadi satu kesalahan untuk menyatakan dengan palsu Cap Dagangan sebagai ianya telah didaftarkan

Simbol ® hanya boleh digunakan untuk Cap Dagangan Berdaftar yang sah di dalam Buku Daftar Cap Dagangan sahaja.



PATEN

Paten adalah satu hak eksklusif yang dianugerahkan oleh pihak kerajaan untuk suatu rekacipta baru sama ada ia adalah satu produk atau satu proses. Perlindungan paten adalah selama 20 tahun dari tarikh pemfailan. Paten akan dianugerahkan apabila ia menepati ciri-ciri seperti yang baru (Novelti), melibatkan langkah merekacipta dan boleh digunakan dalam mana-mana industri.

Kepentingan Perlindungan Rekacipta:

Perlindungan paten memberi hak eksklusif pemunya untuk membuat, mengguna atau menjual rekaciptanya di Malaysia. Pemunya paten boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak lain yang melanggar haknya tanpa kebenaran pemunya paten.

Rekacipta yang TIDAK BOLEH dipatankan:

- Penemuan, teori-teori saintifik dan kaedah-kaedah matematik;
- Varieti tumbuhan atau binatang atau proses biologi bagi pengeluaran tumbuhan dan keluaran-keluaran proses mikro-organisma;
- Skim, aturan atau kaedah bagi menjalankan perniagaan, melakukan perbuatan-perbuatan mental semata-mata atau bermain apa-apa permainan;
- Kaedah-kaedah merawat tubuh manusia atau binatang melalui pembedahan atau terapi, dan kaedah-kaedah diagnosis yang dilakukan kepada tubuh manusia atau binatang.







Fig. 6.



HAKCIPTA

Hakcipta adalah hak eksklusif yang diberikan oleh undang-undang untuk tempoh masa tertentu kepada pencipta karya untuk mengawal penggunaan karya mereka. Perlindungan hakcipta di Malaysia adalah berasaskan kepada Akta Hakcipta 1987.

Malaysia tidak mempunyai sistem pendaftaran hakcipta. Sesuatu karya adalah dilindungi secara automatik sebaik sahaja ia memenuhi syarat-syarat seperti usaha yang mencukupi telah dilakukan untuk menjadikan karya itu bersifat asli; karya tersebut telah ditulis, direkod atau dijadikan dalam bentuk bahan; penciptanya adalah orang yang berkelayakan; dan karya tersebut telah dibuat di Malaysia atau penerbitan pertama karya adalah di Malaysia.

Karya-karya yang layak mendapat perlindungan hakcipta ialah:

- Karya sastera
- Karya muzik
- Karya seni
- Filem
- Rakaman bunyi
- Siaran
- Karya terbitan

Karya-karya di atas adalah dilindungi tanpa mengira kualiti dan tujuan karya-karya itu dihasilkan. Walaupun begitu peruntukan berkenaan keaslian mestilah ditepati.

Cara Perlindungan Karya:

- Afidavit
- Akuan bersumpah
- Sampul surat beralamat sendiri
- Peti simpanan keselamatan bank

